

K • A • P • S • U • L P E N G G U N A



EDISI 5 2022

SEPTEMBER-OKTOBER DITERBITKAN 31 OKTOBER 2022



KPDNHEP

M/S 2:

**HARGA RUNCIT
MINYAK MASAK SAWIT
TULEN**

M/S 8:

**USAHA PENDIGITALAN
DAN TRANSFORMASI
SSM KE ARAH PERSEKITARAN
KONDUSI LANDSKAP PERNIAGAAN NEGARA**

M/S 11:

**SIASATAN
PENJUALAN
KAD NFC
TNG PADA KADAR
BERLIPAT
KALI GANDA**

HARI MALAYSIA



PERASMIAN PROGRAM ‘LOVE LOCAL’ SEMPENA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM)



SELANGOR, 20 SEPTEMBER 2022 - YB Dato' Rosol Bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah merasmikan Program 'LOVE LOCAL' sempena Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) di stesen minyak Petronas Kota Damansara 1, Selangor, pada hari ini.

Petronas Dagangan Berhad telah memberi komitmen tinggi dalam membantu menjayakan inisiatif KBBM ini menerusi program 'Love Local' yang digerakkan Petronas secara meluas. KBBM dilihat memberi impak positif dalam melonjakkan ekonomi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Difahamkan, sehingga Ogos 2022 ini, 'Love Local' sempena KBBM telah memanfaatkan lebih 1,800 usahawan atau pengeluar produk tempatan yang diberikan peluang membekalkan serta memasarkan produk mereka di rangkaian Kedai Mesra Petronas.

Selain itu, Petronas juga telah menjalankan program [Segar@Mesra](#). Seperti sediamaklum, [Segar@Mesra ini](#) adalah program kerjasama strategik antara KPDNHEP bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Petronas yang dilancarkan sejak Januari 2021.

Melalui program ini, hasil pertanian, ternakan, perikanan dan makanan siap dimasak yang disejuk bekukan dapat dipasarkan terus kepada pengguna, sekaligus memendekkan rantai bekalan dan membuka ruang pasaran baru kepada produk-produk hasil pertanian usahawan tempatan. [Segar@Mesra juga](#) dapat memberikan kos kompetitif dan jaminan kualiti kepada pelanggan dengan tawaran produk sejuk beku dan hasil tanaman yang segar.

Menurut YB Dato Rosol, pihak Kementerian sangat mengalu-alukan dan menghargai sokongan serta kerjasama rakan strategik seperti Petronas untuk menjayakan program dan inisiatif yang dirangka Kementerian dalam melonjakkan sektor PMKS ini. Ini bukan sahaja dapat membantu para usahawan tempatan ini untuk terus berkembang ke pasaran global malah merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik yang akan turut membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak tempatan.

MAJLIS SERAHAN DOKUMEN BLUEPRINT DAN BENGKEL *CHANGE MANAGEMENT*

BANGI, 29 SEPTEMBER 2022 - Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YBhg Datuk Azman bin Mohd Yusof, hari ini mewakili Kementerian menerima serahan dokumen KPDNHEP Digital oleh Syarikat Perunding UPUM Sdn. Bhd menerusi projek "Kajian Penyediaan Blueprint Pendigitalan Perkhidmatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Secara End-to-End dan Big Data di Bangi Resort Hotel dan program ini dilaksanakan bermula 15 Ogos 2021 dan akan tamat pada 14 Oktober 2022.

Blueprint Pendigitalan dibangunkan bertujuan sebagai panduan bagi memacu ke arah transformasi digital KPDNHEP. Ini adalah demi memastikan KPDNHEP, terus mengorak langkah menjadi Kementerian Premier Negara dan memastikan visi KPDNHEP iaitu 'Perdagangan dalam negeri yang progresif, mampan' tercapai.

Menurut Datuk Azman, KPDNHEP Digital ini dibangunkan bagi mengenal pasti proses-proses kerja manual dan *hybrid* yang berpotensi untuk ditransformasikan supaya bersifat digital secara holistik. *Blueprint* ini memuatkan cadangan-cadangan pendigitalan yang berasaskan kepada tiga (3) gelombang seperti berikut:

- Gelombang pertama adalah "Keutamaan Digital" (*Digital First*) yang menekankan agar sebarang maklumat yang berkaitan dengan proses kerja adalah digital.
- Gelombang kedua pula adalah "Operasi Digital" (*Digital Operation*) yang mengutamakan penggunaan maklumat secara digital dan teknologi untuk memudahkan proses kerja yang lengkap dan meningkatkan fungsi perkhidmatan kepada rakyat.
- Gelombang ketiga, "Ekosistem Digital" (*Digital Ecosystem*) adalah untuk memastikan agar kesemua perkhidmatan KPDNHEP adalah bersifat *End-to-End* (E2E).

Majlis penyerahan hari ini dijangka dapat membantu KPDNHEP mengorak langkah yang tersusun dalam proses digitalisasi seterusnya meningkatkan keupayaan dan mutu perkhidmatan KPDNHEP dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI BERSAMA ANGGOTA TRIBUNAL MALAYSIA

PUTRAJAYA, 13 SEPTEMBER 2022 - YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama Anggota Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) Tahun 2022 di The Zenith Hotel, Putrajaya.

YB Menteri telah menyampaikan rasa penghargaan kepada anggota-anggota tribunal yang begitu komited dalam menjayakan tugas mereka.

KPDNHEP telah mencapai usia 32 tahun sejak penubuhan pada 27 Oktober 1990 dan TTPM ditubuhkan di bawah Seksyen 85, Bahagian XII, Akta 599 sebagai satu platform alternatif kepada Mahkamah Sivil untuk pengguna memfailkan tuntutan tebus rugi bagi pembelian barang dan perkhidmatan dengan nilai sehingga RM 50,000.00. Dengan slogan mudah, murah dan cepat pengguna boleh memfailkan tuntutan terhadap penjual barangan atau penyedia perkhidmatan yang tidak beretika.

Kini, TTPM juga telah mengorak langkah mengendalikan prosiding pendengaran kes secara dalam talian sebagai pemudah cara bagi perbicaraan yang melibatkan pihak-pihak yang menghadapi kesukaran jarak perjalanan yang jauh dan juga faktor kesihatan.

Anggota Tribunal juga telah berjaya melupuskan pendengaran pertama ke atas 2,500 kes kes tertangguh dalam tempoh lima (5) bulan pertama 2022 akibat penularan pandemik Covid-19 sepanjang tahun 2021 adalah sungguh membanggakan. Pencapaian ini jelas menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam kalangan Anggota Tribunal untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Selain itu, turut berlangsung majlis pelantikan watikah 2 anggota tribunal yang baharu iaitu Puan Larina Wong Shiao Yee dan Tuan Joseph Kahell Baleng.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPDNHEP- YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna & Pengurusan)-YBhg. Datin Roszanina Wahab, Pengerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia- YBrs Tuan Hamidun Bin Datuk Haji Abdul Fatah.

HARGA RUNCIT MINYAK MASAK SAWIT TULEN

PUTRAJAYA, 3 OKTOBER 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menetapkan Harga Runcit Maksimum terkini bagi minyak masak sawit tulen yang dibungkus dalam botol di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2022. Perintah ini mula berkuat kuasa pada 8 Oktober 2022 sehingga 7 November 2022.

Ini merupakan susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai komitmen kerajaan untuk membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga minyak masak sawit tulen botol 1 kilogram hingga 5 kilogram.

Berikut adalah Harga Runcit Maksimum bagi barangan harga terkawal minyak masak sawit tulen dalam botol seperti jadual tersebut :





ERTI SEBUAH KEMPEN

PENULIS BEBAS: WAI TEE



“Marilah mari, pergi mengundi, jangan lupa kewajipan pada negara”. Ingat tak lagu itu? Lagu dendangan Mohd Hashim Shariff, atau lebih popular dengan nama Rocky Din yang mula diperkenalkan pada tahun 1978. Kini lagu itu masih tetap berbisa dan bila sahaja ia berkumandang bermakna PRU sudah tiba dan rakyat Malaysia sudah bersedia untuk membuang undi.

Lagu berhantu itu menjadi salah satu faktor kejayaan kempen tersebut. Walaupun peratus mengundi kadang-kadang rendah di sesebuah kawasan tetapi kejayaan kempen itu tetap diakui.

Begitu juga dengan Kempen Anti Denggi dan yang terbaru Kempen Vaksinasi Covid-19. Ketiga-tiga kempen ini boleh diiktiraf sebagai kempen yang berjaya. Berjaya dari sudut penerimaan dan hasilnya. Mungkin kerana kempen itu tidak memerlukan kos di pihak rakyat. Atau mungkin juga kerana kempen itu tidak melibatkan nyawa, hidup dan mati.

Tetapi melaksanakan kempen bukanlah sesuatu yang mudah kerana kempen biasanya akan meminta pengguna merubah gaya hidup. Lebih mencabar bila sesuatu kempen itu meminta orang mengeluarkan wang mereka sendiri.

Inilah yang menghambat Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Tetapi sejauh mana efektifnya kempen tersebut sebenarnya bergantung kepada dari sudut mana ianya diukur dan dinilai.

Kempen tidak sama dengan majlis pelancaran atau perayaan. Kempen selalunya melibatkan usaha atau gerakan yang mempengaruhi sikap, tingkah laku dan kepercayaan golongan yang disasar.

Kempen memerlukan strategi jangka pendek dan jangka panjang, mengambil kira berbagai aspek termasuk demografi dan psikologi golongan sasar. Kempen bukan majlis atau acara sekali sahaja (*one-off event*). Kempen tidak boleh diukur dengan jumlah kehadiran seperti sesebuah konsert artis terkenal.

Kempen yang hendak berjaya mesti mempunyai matlamat yang jelas. Ini merupakan langkah pertama dalam perancangan strategik. Matlamat yang jelas akan memberikan hala tuju yang sistematik.

Perancangan strategik sesuatu kempen akan merangkumi pelaksanaan yang menyeluruh melibatkan semua golongan sasar dan komunikasi strategik di semua peringkat. Selalunya kempen yang berjaya mempunyai slogan, cogan kata, iklan yang menarik dan lagu yang berhantu yang akan meresap dalam minda dan jiwa golongan sasar tersebut.

Pelaksanaan serta komunikasi ini mestilah dipantau dan dinilai secara berkala untuk melihat samada bibit kejayaan atau kegagalan sebelum pelan tindakan pembaikan ditentukan serta dilaksanakan.

KBBM adalah satu kempen penuh cabaran. Walaupun demikian, Kerajaan tidak akan jemu walaupun telah dilaksanakan sejak 38 tahun dahulu, peruntukan demi peruntukan diberi. Bajet tahun 2022 adalah RM20juta dan tahun 2023 pula RM10juta.

Di United Kingdom dikenali dengan *Buy British First*. Australia pula *Australian's First* manakala Amerika pula dengan *@BuyUSA1st*. Semua negara pengeluar mempunyai kempen yang serupa. Di samping mengenengahkan barangan tempatan, ianya juga adalah untuk membantu usahawan tempatan memasarkan produk mereka termasuk di pasaran antarabangsa.

Di samping untuk meningkatkan prestasi produk dan usahawan tempatan, kempen ini adalah manifestasi sebenar semangat patriotisma rakyat dalam memberi keutamaan terhadap barangan tempatan ketika berbelanja dan membeli belah. Tidak salah kan? Kalau bukan kita sendiri, siapa lagi?

CABARAN PRODUK TEMPATAN

Pembeli tidak akan sokong dan membeli jika produk tempatan tidak berkualiti dan tidak dikenali. Ini cabaran pertama. Usahawan tempatan harus bangkit menyedari hakikat ini.

Best man wins. Hanya yang terbaik akan menang. Terbaik dari segi kualiti, pemasaran dan penawaran. Produk yang berkualiti tidak akan ke mana jika pemasaran dan penawaran tidak berupaya mencuri perhatian pelanggan.

Cabaran yang bukan calang-calang dilalui oleh Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) KPDNHEP dalam mempromosi KBBM. Peranan mereka amat mencabar dalam meyakinkan usahawan tempatan untuk melonjakkan produk mereka setaraf produk antarabangsa dan di masa yang sama menjadi perunding memastikan pembungkusan produk tempatan menepati piawaian antarabangsa.

CABARAN PEMASARAN

Memasarkan produk tempatan merupakan satu cabaran getir. Kos sewaan premis di pusat membeli belah ternama, caj penempatan (*placement fee*) di pasaraya popular dan *marketplace* dalam talian juga merupakan sebahagian kekangan yang menghantui produk dan usahawan tempatan.

Ini merupakan komponen utama KBBM di mana peruntukan yang diterima digunakan untuk menempatkan produk tempatan di premis dan rak jualan *hyper-market* dan pasaraya ternama yang biasanya dimiliki oleh Pelabur asing.

Sehingga kini banyak produk dan ramai usahawan tempatan telah dibantu oleh KBBM dalam menempatkan barangan mereka sehingga mereka boleh berdiri sama tinggi di rak-rak pasaraya dan mall standing dengan barangan antarabangsa.

Ada di antara produk tersebut telah berkembang sehingga berjaya mencapai jualan berjuta ringgit setahun. Ada diantara produk tersebut pula telah dibawa oleh operator pasaraya ke luar negara tempat di mana mereka beroperasi.

KEJAYAAN KBBM


KBBM pada tahun 2020 telah menyaksikan penjualan barangan tempatan bernilai RM3.3billion manakala turun sedikit sekitar RM3.08billion di 2021. Di market place online pula, tahun 2020 mencatatkan jualan RM145juta dengan jumlah SKU (Stock Keeping Unit) 281,864 produk tempatan manakala tahun 2021 mencatatkan jualan RM142juta dengan SKU berjumlah 1,070,340.

CABARAN PEMBELI TEMPATAN

Penjualan produk tempatan telah meningkat saban tahun seiring dengan kempen yang dijalankan. Walau bagaimanapun, KBBM harus terus berjalan dan dipromosikan kerana kehadiran produk baru dan lahirnya usahawan tempatan yang masih perlu dibimbing.

Sudah tiba masanya KBBM diadakan pada skala mega yang menempatkan semua produk Malaysia yang berkualiti seperti automatik, alat sukan, pakaian, kasut, fesyen, suplemen kesihatan, perabot, makanan dan lain-lain dalam satu *showcase* untuk menonjolkan kualiti dan penampilannya. Ini meliputi pameran, pertunjukan fesyen, pertunjukan batik, ujian tahan lasak kereta, motosikal dan basikal, padanan perniagaan dan sebagainya.

Sudah tiba masanya kita menyokong dan bangga dengan produk tempatan. Bersediakah anda?



Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam proses menyediakan Rang Undang-Undang (Pindaan) 2022, khusus bagi membantu syarikat yang terbeban dengan masalah kewangan akibat impak ekonomi COVID-19. Perkongsian Liabiliti Terhad merupakan sebuah perniagaan alternatif di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743) yang menggabungkan ciri-ciri syarikat persendirian dan perkongsian konvensional.

RUU ini juga membolehkan syarikat yang menghadapi masalah kewangan terutama sekali akibat dari kesan pandemik COVID-19, tetapi mempunyai kemampuan untuk terus berdaya saing memasuki rehabilitasi dengan pemiutang melalui cadangan pindaan yang bersifat fasilitatif.

Ikuti wawancara bersama Puan Norhaiza Jemon, Pengarah Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan SSM bagi mengupas topik Cadangan Pindaan Terhadap Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang disiarkan di Biz Malaysia pada 7 Oktober 2022 pada jam 2 petang.

SOALAN DAN JAWAPAN MENGENAI PINDAAN KEPADA AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777] DAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 [AKTA 743]

1. Mohon Puan terangkan apakah inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM dalam pindaan Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743)?

Pandemik COVID-19 yang melanda sejak penghujung 2019 telah memberikan kesan yang negatif terhadap perkembangan sektor ekonomi di Malaysia dan global secara keseluruhannya. Dengan mengambilkira ketidaktentuan keadaan ekonomi global dan sektor dalaman negara akibat kesan pandemik COVID-19, SSM berpandangan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memastikan kerangka perundangan berkaitan rehabilitasi entiti perniagaan diperkukuhkan. Kerangka rehabilitasi korporat yang lebih komprehensif merupakan komponen penting bagi memastikan entiti perniagaan terus berdaya saing dan mengurangkan risiko untuk diambil tindakan penggulangan.

Di samping itu, terdapat juga keperluan untuk mengukuhkan lagi peruntukan tadbir urus dengan menambahbaik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial bagi mengekang aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya dengan menyalahgunakan entiti perniagaan bagi melindungi kegiatan jenayah tersebut. Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang dicadangkan ini akan meningkatkan ketelusan berkaitan individu sebenar yang mempunyai perniagaan atau yang mempunyai kawalan terhadap entiti perniagaan tersebut.

Secara amnya berikut adalah inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM melalui pemerkasaan Akta 777 dan Akta 743:

- Meluaskan pemakaian mekanisme penyelamat korporat iaitu perkiraan sukarela korporat dan pengurusan kehakiman kepada semua jenis syarikat kecuali syarikat yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia atau syarikat yang dilesenkan atau diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007;
- Mengukuhkan peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi untuk dimanfaatkan sebagai satu proses rehabilitasi korporat dengan menyediakan peruntukan yang lebih

lengkap dan proses yang lebih efisien serta telus untuk membolehkan skim yang dicadangkan dapat diluluskan di samping melindungi hak-hak pemiutang sedia ada;

- Membolehkan syarikat yang memohon perintah pengurusan kehakiman atau yang mencadangkan skim perkiraan atau kompromi mendapatkan pembiayaan penyelamat dari sumber kewangan baru dan pembiaya baru ini diberi keutamaan khas tanpa menjejaskan kepentingan pemiutang sedia ada sekiranya syarikat digulungkan; dan
 - Memperkenalkan Mekanisme Penyelamat Korporat (CRM) kepada entiti Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang menghadapi masalah kewangan. Pindaan ini bertujuan untuk menambahbaik kerangka perundangan sedia ada berkaitan rehabilitasi korporat bagi PLT. Penambahbaikan serta pindaan untuk memperluaskan pemakaian perundangan berhubung CRM ini akan membantu PLT yang menghadapi masalah kewangan memohon proses rehabilitasi korporat agar PLT boleh terus beroperasi (*stay afloat*).
2. Boleh Puan menyatakan objektif utama yang ingin dicapai melalui pindaan-pindaan di bawah RUU-RUU yang dicadangkan?

Objektif yang pertama adalah untuk memastikan syarikat yang menghadapi masalah kewangan boleh meneruskan perniagaan melalui kerangka rehabilitasi syarikat yang efisien dan mengurangkan tindakan penggulangan yang diambil terhadap syarikat. Kelangsungan entiti perniagaan meneruskan operasi adalah kritikal dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kadar pengangguran..

Keduanya, pengenalan polisi berkaitan pelaporan maklumat pemunya benefisial syarikat yang komprehensif selaras dengan piawaian di peringkat antarabangsa adalah kritikal bagi memastikan sektor korporat di Malaysia tidak terdedah kepada ancaman aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan.

Polisi yang diperkenalkan ini akan menyokong pelaksanaan tadbir urus syarikat yang lebih mampan bagi memastikan tahap pematuhan yang tinggi di kalangan syarikat.

3. Boleh Puan menerangkan berapakah peruntukan undang-undang yang terlibat akibat daripada pengenalan polisi-polisi baharu untuk pindaan Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)?

Bagi tujuan memperkenalkan polisi-polisi baharu, terdapat 27 pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-Undang (RUU) Syarikat (Pindaan) dan 11 pindaan yang dicadangkan di bawah RUU PLT (Pindaan) melibatkan pindaan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada dan cadangan peruntukan baharu.

4. Adakah cadangan-cadangan pindaan ini telah mengambil kira pandangan dan maklum balas pihak-pihak berkepentingan?

Cadangan-cadangan ini telah melalui beberapa proses konsultasi yang bermula sejak tahun 2020. Pandangan serta maklum balas daripada pihak berkepentingan di mana SSM telah mengambil kira dan menjadikannya sebagai asas kepada penggubalan cadangan-cadangan peruntukan tersebut.

5. Bagi pendapat Puan, bagaimanakah pindaan-pindaan ini dapat membantu entiti perniagaan di Malaysia?

Pindaan-pindaan yang dibuat ini akan membolehkan entiti perniagaan seperti syarikat dan PLT yang terkesan dengan masalah kewangan terus beroperasi dan memulihkan kedudukan kewangan supaya berdaya maju dan mampan serta mengekalkan dan membuka peluang pekerjaan seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi negara.

6. Bagaimana pula impak pindaan-pindaan ini dalam aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan entiti perniagaan?

Pindaan-pindaan terutamanya berkaitan pelaporan maklumat pemunya benefisial akan memudahkan siasatan untuk mengenal pasti pemilik sebenarnya sesebuah entiti perniagaan terutama sekali berhubung jenayah berat berkaitan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah, pengelakan cukai dan sebagainya yang melibatkan entiti perniagaan.

7. Adakah cadangan-cadangan pindaan ini akan meningkatkan kos dalam menjalankan perniagaan di Malaysia?

Cadangan-cadangan pindaan ini tidak akan meningkatkan kos malahan pindaan-pindaan tersebut akan dapat membantu entiti-entiti perniagaan untuk terus berdaya saing terutamanya dalam keadaan ekonomi sekarang yang tidak stabil susulan pandemik Covid-19.

8. Bilakah cadangan-cadangan pindaan tersebut akan dikuatkuasakan?

RUU-RUU tersebut sedang dalam peringkat akhir kelulusan dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat. Cadangan-cadangan pindaan tersebut akan dikuatkuasakan berdasarkan Warta Kerajaan yang akan dikeluarkan selepas mendapat kelulusan Parlimen.

9. Boleh Puan kongsi perancangan SSM bagi memastikan peruntukan-peruntukan di bawah RUU-RUU tersebut dikuatkuasakan secara berkesan?

Pihak SSM akan mengadakan sesi taklimat, kempen kesedaran dan latihan berterusan kepada semua pihak terutamanya pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan peruntukan-peruntukan baharu tersebut dapat dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya.

Hebahan melalui media terutamanya di laman sesawang SSM (<https://www.ssm.com.my/Pages/Home.aspx>) dan media sosial rasmi SSM juga akan dibuat secara berkala agar maklumat berkenaan pindaan-pindaan ini dapat dihebahkan lebih meluas dan pada bila-bila masa sahaja.

10. Pada pendapat Puan, apakah persediaan yang perlu dibuat oleh entiti perniagaan apabila cadangan pindaan ini dikuatkuasakan kelak?

Entiti perniagaan dan pihak-pihak berkepentingan adalah dinasihatkan untuk menghadiri sesi taklimat, kempen kesedaran dan latihan yang dianjurkan oleh SSM. Maklumat-maklumat berkenaan pindaan-pindaan ini juga boleh diperolehi dari laman sesawang dan media sosial rasmi SSM.

BELANJAWAN 2023 KELUARGA MALAYSIA MAKMUR BERSAMA

PUTRAJAYA, 8 Oktober 2022 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyambut baik Bajet 2023 seperti yang dibentangkan oleh YB Menteri Kewangan pada 7 Oktober 2023 yang bertemakan **Keluarga Malaysia, Makmur Bersama**.

Bajet 2023 akan dipandu dengan enjin 3R iaitu *Responsive, Responsible, Reformist* atau responsif, bertanggungjawab, reformis dalam memenuhi keperluan rakyat dan perniagaan di samping terus memacu pertumbuhan sosioekonomi yang mampan. Bajet 2023 memberi fokus kepada empat teras utama iaitu **rakyat, perniagaan, ekonomi dan kerajaan**.

Salah satu fokus utama kementerian ini ialah untuk memastikan rakyat dapat mengharungi hidup dengan bekalan barangan yang stabil dan harga yang munasabah serta boleh dijangkau oleh majoriti rakyat Malaysia terutama golongan B40. KPDNHEP bersyukur atas keprihatinan Kerajaan dan Kementerian Kewangan Malaysia atas peruntukan **sebanyak RM55 billion khusus dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif yang bertujuan untuk membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup melalui kawalan harga barangan dan perkhidmatan**.

“**Kerajaan akan melaksanakan pembaharuan komprehensif bagi menangani ketirisan subsidi barangan keperluan. Antara tumpuan utama adalah untuk memastikan petrol dan diesel bersubsidi dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia dan bukannya warga serta kenderaan asing dan tidak diseludup ke luar negara atau disalahguna. Langkah yang sama akan diambil bagi memastikan minyak masak dan LPG bersubsidi sampai ke isi rumah miskin dan kuotanya tidak disalahguna oleh peniaga.**”



HARGA MAKSIMUM AYAM DAN TELUR AYAM DIKEKALKAN BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan **Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula 5 Februari 2022** sebagai langkah untuk menstabilkan harga ayam dan telur ayam disamping memastikan keberadaan bekalan tersebut di pasaran dalam Negara. Langkah prihatin pihak Kerajaan ini mengambilkira kenaikan isu kos sara hidup rakyat pada masa kini.

Kerajaan telah menyambung tempoh pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam yang akan berkuatkuasa pada 12 Oktober 2022 dengan kadar baru pemberian subsidi kepada telur ayam sebanyak RM0.08/sebiji kepada peladang. Ini berpunca daripada **kenaikan kos pengeluaran** dan menyebabkan **keperluan penyelarasan semula** harga telur ayam di peringkat ladang dan borong, untuk membolehkan **harga runcit telur ayam dikekalkan tanpa sebarang kenaikan**. Harga maksimum ayam pula adalah kekal bagi semua peringkat meliputi ladang, borong dan runcit.

Berkuatkuasa serta merta, kedudukan harga pada setiap rantaian telur ayam adalah seperti berikut:

Gred / Rantaian	LADANG	BORONG	RUNCIT
Telur Gred A	0.39	0.42	0.45
Telur Gred B	0.37	0.40	0.43
Telur Gred C	0.35	0.38	0.41

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA (KBBM) TAHUN 2022 DAN PELANCARAN LOGO BARANGAN MALAYSIA



JOHOR BAHRU, 14 Oktober 2022 – Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah merasmikan **Karnival Barangan Malaysia 2022 (KBM2022)**, sebuah jenama baru dalam keluarga Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang telah dirancang sejak awal tahun dan menerima peruntukan dari Kerajaan dalam Bajet 2022.

KBM kali ini boleh dikira sebuah karnival yang besar kerana berjaya menghimpunkan seramai **127 pempamer yang terdiri dari pengusaha- pengusaha barangan tempatan termasuk syarikat-syarikat gergasi seperti Petronas, Proton, Perodua, Modenas serta rakan-rakan strategik KBBM yang lain termasuklah Shopee, Lazada, PG Mall, Go Go Pasar, Shoppymore dan sebuah syarikat kreatif Les' Copaque**. Ini membuktikan bahawa industri, pengeluar dan peruncit senada dalam mengangkat dan memperjuangkan produk-produk Malaysia supaya ianya setanding dengan produk-produk dan jenama antarabangsa.

Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2022 yang diadakan sempena Karnival Barangan Malaysia pada hari ini merupakan usaha berterusan Kerajaan dalam mencapai objektifnya iaitu untuk **merangsang pertumbuhan ekonomi domestik** dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan; **meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan Keluarga Malaysia** supaya barangan Malaysia menjadi keutamaan (priority) dalam membuat keputusan ketika berbelanja dan membeli-belah; **meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk serta perkhidmatan Malaysia** yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa; dan **membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka**.

Keberkesanan kempen ini terserlah apabila barangan Malaysia menjadi pilihan utama dan ini terbukti berdasarkan trend peningkatan jualan sejak beberapa tahun lalu termasuklah ketika negara dilanda pandemik Covid-19.

“**Jumlah jualan barangan Malaysia pada tahun lepas sahaja di marketplace telah mencatatkan sebanyak RM142 juta meliputi 1,070,340 SKU (Stock Keeping Unit). Manakala jualan pelbagai barangan Malaysia di rangkaian hypermarket, pasaraya, kedai serbaneka dan kedai serbaneka di stesen minyak pula telah mencapai jualan sebanyak 173,239 SKU dengan nilai jualan sebanyak RM3.08 billion.**”

Menyedari banyak lagi produk keluaran tempatan yang unik, berkualiti tinggi dan berpotensi untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara dengan lebih meluas, KPDNHEP hari ini turut melancarkan **Penandaan Logo Barangan Malaysia** yang baharu.

Penambahbaikan yang merangkumi peluasan kategori logo kepada

1) Produk Malaysia, 2) Buatan Malaysia dan 3) Rekaan Malaysia ini bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih banyak syarikat untuk memohon dan mendapat pengiktirafan Penandaan Logo Barangan Malaysia. **Tarikh kuatkuasa Penandaan Logo Barangan Malaysia adalah bermula 1 November 2022.**



BEBAN KEWANGAN DAN HUTANG: APAKAH SOLUSINYA?

Oleh: Anis Nabilah Ahmadi & Rohanizam Talib, AKPK



“Sudah jatuh ditimpa tangga”

Begitulah gambarannya sekiranya individu mengalami masalah kewangan dan keberhutangan yang serius, disusuli pula dengan faktor-faktor luar jangka yang datang menimpa keadaan. Sebaik sahaja bercakap tentang hutang, pelbagai emosi boleh timbul dalam diri. Ada yang memandang dari sudut kebaikan, dan tidak kurang juga ada yang melihat hutang sebagai sesuatu yang negatif. Realitinya, hutang ialah sebahagian daripada kehidupan individu dan agak sukar untuk lari daripada hutang sepenuhnya dalam memenuhi tuntutan hidup. Sesungguhnya, hutang tidak melanggar undang-undang, bahkan bukan satu kesalahan dalam agama, asalkan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Bukan hutang yang menjadikan pengurusan kewangan setiap individu itu baik atau tidak, tetapi dirinya yang menguruskan hutang tersebut.

Kos sara hidup yang tinggi ditambah pula dengan tiada perancangan kewangan akan meninggikan lagi risiko keberhutangan yang serius. Masalah hutang tidak mengenal umur atau pekerjaan tetapi lebih kepada tiada perancangan dan mengurus kewangan kerana sebab-sebab seperti berikut:

i. Kurangnya ilmu kewangan - Contohnya, kurang pengetahuan dalam memahami terma kewangan yang digunakan dalam perjanjian pinjaman dan tidak tahu menganalisa status kemampuan sendiri.

ii. Tidak bersedia menghadapi kecemasan dan keadaan semasa - Tiada perancangan untuk menyediakan peruntukan kewangan atau perlindungan jika berlaku penyakit kritikal, kehilangan upaya, kerosakan harta benda, kematian dan juga perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR) yang memberi perubahan atau kesan kepada jumlah bayaran pinjaman semasa sekiranya tiada peruntukan tambahan disediakan serta seumpamanya.

iii. Gaya hidup yang melebihi kemampuan - Mengikut trend terkini dan berbelanja tanpa mempedulikan kemampuan dan hanya untuk memenuhi kemahuan dan keinginan seperti obsesi dengan percutian dan aksesori mewah.

iv. Terjebak dengan Skim Cepat Kaya – Mahu cepat kaya tanpa banyak usaha yang membawa kepada keputusan untuk mengambil pinjaman yang besar tetapi akhirnya tidak mampu membayar balik.

Melalui kajian yang dijalankan ke atas peserta program AKPK, antara faktor-faktor masalah kewangan yang membawa mereka ke program ini ialah kos sara hidup yang tinggi (37.8%), perancangan kewangan yang lemah (36%), kegagalan atau kemerosotan perniagaan (11.3%), kehilangan pekerjaan atau pencari nafkah (8.9%), perbelanjaan perubatan yang tinggi (5.2%) dan sebab-sebab lain (0.8%).

Apakah tanda-tanda seseorang individu sedang menghadapi masalah kewangan?

- Kesempitan aliran tunai dan bergantung kepada kad kredit untuk menampung kos perbelanjaan.
- Bayaran balik pinjaman atau pembiayaan mula tertunggak.
- Membayar hutang mengikut pemilihan atau secara *alternate*.

- Menerima panggilan dan surat peringatan dari bank atau pemungut hutang.

Pada tahun 2018, berdasarkan kajian “AKPK *Financial Behaviour Survey 2018* (AFBeS’18), AKPK dapat mengenal pasti faktor-faktor keberhutangan serius yang berikut:

1. Tidak cukup wang perbelanjaan. Kajian mendapati 3 dari 10 orang (28%) terpaksa membuat pinjaman untuk membeli barangan keperluan harian.

2. Komitmen hutang berada melebihi 60% daripada pendapatan sedia ada dan gaji bersih berbaki kurang daripada 40%.

AKPK, Sahabat Kewangan dan Solusi Kewangan Anda

Namun begitu, bumi mana yang tidak ditimpa hujan. Sekiranya peminjam/pelanggan berhadapan dengan masalah kewangan atau gagal membayar balik pinjaman atau hutang, disarankan untuk membuat langkah awal iaitu langkah **4A - Akui, Analisa, Ambil tindakan dan AKPK Sahabat Kewangan Anda**.

o Akui anda mempunyai masalah

Berani untuk mengakui bahawa kita mempunyai masalah hutang yang tidak terurus atau tidak terkawal. Jangan sesekali lari atau mengelak tanpa cuba mencari jalan penyelesaian. Sekiranya tiada bayaran yang dibuat, masalah sedia ada tidak akan selesai dan institusi kewangan/penyedia kredit akan terus mengenakan faedah, caj lewat dan caj guaman ke atas pinjaman tersebut.

o Analisa kedudukan kewangan

Hadapi keadaan dengan membuat analisis ke atas hutang-hutang yang sedia ada. Senaraikan kesemua jenis pinjaman sedia ada bersama institusi kewangan/penyedia kredit/pemutang (bukan bank) dan juga ahli keluarga atau rakan-rakan dengan mengira jumlah pinjaman dan baki tempoh setiap pinjaman (berapa lama lagi akan habis dibayar). Di sini, kita boleh melihat gambaran keseluruhan keadaan hutang sedia ada dan pada masa yang sama boleh membuat perbandingan dengan keadaan pendapatan kita.

o Ambil tindakan

Ambil tindakan untuk berunding dengan semua pemutang bagi menjelaskan masalah kedudukan kewangan agar kita diberi peluang untuk membuat permohonan menstrukturkan semula pinjaman/pembiayaan sedia ada. Antaranya, menjadualkan semula pinjaman/pembiayaan, menangguhkan pembayaran, membayar faedah sahaja, memanjangkan tempoh pinjaman, mengurangkan kadar faedah dan sebagainya.

o AKPK sebagai SAHABAT kewangan anda

AKPK berperanan sebagai orang tengah antara peminjam dan penyedia kredit/kewangan untuk menstrukturkan semula pinjaman/pembiayaan mengikut aliran tunai semasa peminjam melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) kepada individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) termasuk perusahaan mikro sekiranya permohonan secara terus dengan pihak bank tidak berjaya.

Mengenai AKPK:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ialah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 untuk membantu individu mengawal keadaan kewangan mereka dan memperoleh ketenangan fikiran melalui penggunaan kredit yang bijak.

Dengan mandat ini, AKPK menawarkan perkhidmatan Pendidikan Kewangan kepada individu dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui Portal POWER! dan Pusat Sumber yang boleh diakses melalui tapak web AKPK untuk pelbagai modul dan bahan pembelajaran kewangan dalam talian.

AKPK turut menawarkan khidmat Nasihat Kewangan dan bantuan Pengurusan Kredit melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PMKS, yang melibatkan pelan bayaran balik pinjaman yang dipersetujui oleh peminjam dan institusi kewangan terlibat. Layari mybijakkewangan.akpk.org.my untuk slot temujanji bersama Penasihat Kewangan AKPK.

Semua akses kepada sumber dan perkhidmatan AKPK, termasuk Portal POWER! dan Pusat Sumber, boleh didapati melalui tapak web AKPK di www.akpk.org.my.

Maklumat dan akses kepada perkhidmatan, perkongsian tip dan bahan pembelajaran AKPK boleh juga diperolehi di platform-platform media sosial rasmi @AKPKofficial.

Semua khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit oleh AKPK adalah **PERCUMA dan AKPK TIDAK MELANTIK EJEN ATAU PIHAK KETIGA** untuk mewakilinya dalam apa jua urusan.



USAHA PENDIGITALAN DAN TRANSFORMASI SSM KE ARAH PERSEKITARAN KONDUSIF LANDSKAP PERNIAGAAN NEGARA

Sejajar dengan proses pendigitalan pengoperasian perniagaan, ekonomi dan serta sistem penyampaian perkhidmatan global yang ketara terutamanya susulan pandemik COVID-19, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) cecal melaksanakan pembangunan pelbagai transformasi untuk membina persekitaran kondusif landskap perniagaan di negara ini.

Sepanjang dua dekad sejak penubuhannya pada 16 April 2002, SSM telah melaksanakan fungsinya berdasarkan strategi yang telah distruktur dengan terperinci. Ini adalah selari dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun sebagai panduan kepada agensi sektor awam memacu agenda kerajaan digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Dengan visi untuk menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung, SSM telah melaksanakan tiga pelan strategik yang komprehensif untuk mengemudi kemajuannya iaitu Pelan Halatuju Strategik I (SDP I) bagi tempoh 2004 hingga 2008 Pelan Halatuju Strategik II (SDP II) untuk tempoh dari tahun 2010 hingga 2016 dan diteruskan dengan Pelan Halatuju Strategik III (SDP III) pada dari tahun 2017 hingga 2023.

Pelan-pelan strategik SSM disokong oleh tujuh nilai-nilai teras di mana di antaranya adalah menggalak dan mendorong tadbir urus yang baik untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan serta menyediakan perkhidmatan yang bermutu tinggi menerusi kecemerlangan operasi.

Pada tahun 2003, Pengurusan SSM telah membangunkan dokumen yang menyediakan asas strategik untuk transformasi melalui SDP1 dengan objektif mewujudkan pusat kecemerlangan yang responsif untuk maklumat korporat, serta peraturan dan pembangunan yang akan meningkatkan daya saing ekonomi negara.

Bagi tujuan ini, SSM telah menerbitkan lapan objektif strategik yang memperkukuhkan lagi visi dan memantapkan bidang keutamaan yang memerlukan pembaharuan. Selepas pelancaran SDP I, SSM telah melalui tempoh transformasi organisasi dan penstrukturan semula organisasi. Pada masa ini, SSM telah melaksanakan proses penjenamaan semula organisasi dan membangunkan rancangan untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang baharu serta mempertingkatkan produk dan perkhidmatan yang sedia ada. SSM juga telah memulakan usaha transformasi yang komprehensif dalam proses pendaftaran perniagaan negara melalui pendekatan semakan semula kerangka undang-undang untuk pendaftaran perniagaan dan mempertingkat tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif.

Pada tahun 2009, SSM telah membangunkan SDP II yang merupakan rangka kerja strategi SSM bagi jangka masa lima tahun berdasarkan tiga fasa iaitu membuat penilaian menyeluruh terhadap SSM sebagai sebuah organisasi berdasarkan situasi semasa, mengendalikan proses penetapan wawasan dan keutamaan dalam menentukan kedudukan dan keadaan SSM serta membuat rumusan mengenai strategi organisasi dan mengenal pasti inisiatif dan projek-projek yang bakal dilaksanakan.

Antara projek-projek utama yang dibangunkan dan berjaya dilaksanakan dalam SDP II adalah membangunkan agenda Tanggungjawab Korporat (CR) untuk SSM, penglibatan dan kerjasama dengan hubungan pihak berkepentingan serta melaksanakan program-program pendidikan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan.

Melalui SDP III pula, fokus inisiatif pendigitalan penyampaian perkhidmatan SSM adalah selari dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia, khususnya di bawah Nilai Teras 1 iaitu “Memacu Transformasi Digital Sektor Awam” dan Strategi ke-2 iaitu “Memanfaatkan Teknologi Digital untuk Meningkatkan Kecekapan Proses Kerja dan Produktiviti”.

SSM telah mengembangkan produk dan perkhidmatannya secara progresif semenjak ia ditubuhkan. Lanskap pasaran yang kerap berubah di samping kesan pandemik Covid-19 terhadap ekonomi global telah memberi satu anjakan paradigma kepada SSM untuk mengadaptasi teknologi baru dan memperkasakan langkah pendigitalan bagi meningkatkan mutu dan produk perkhidmatan

demasi kemudahan rakyat. Dengan sasaran ini, SSM merealisasikan harapan pihak-pihak berkepentingan dan membina sistem penyampaian perkhidmatan untuk memenuhi keperluan mereka dengan lebih cekap dan berkesan.

Antara sistem-sistem yang telah dibangunkan SSM bagi mencapai objektif-objektif tersebut adalah sistem-sistem yang berkaitan dengan perkhidmatan pendaftaran, pembekalan maklumat, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan serta sistem-sistem lain seperti *Malaysia Business Reporting System* (MBRS), *ezBiz Online*, *e-Info*, *MyDATA*, e-Kompaun dan e-Aduan.

CONTOH SISTEM-SISTEM SSM

Dalam usaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, SSM juga sedang melaksanakan pelbagai projek bagi membangunkan beberapa sistem baharu yang lain seperti menaik taraf pusat data SSM dan gerbang integrasi SSM.

Transformasi pendigitalan yang dilaksanakan SSM menjadi asas kepada perubahan penting dalam proses kerja dalaman dan merupakan pendorong dalam menjayakan proses penstrukturan semula SSM daripada sebuah entiti baharu 20 tahun lalu kepada organisasi dinamik pada masa ini yang berupaya untuk mara ke hadapan dan mendepani cabaran demi mencapai objektif strategik yang disasarkan. Perubahan struktur yang berlaku terhadap penggunaan teknologi, sumber modal insan dan proses kerja dalaman telah memacu SSM untuk mempertingkatkan produk dan perkhidmatan baharunya.

Hasil daripada transformasi merentas organisasi secara menyeluruh, SSM telah berjaya melaksanakan pendekatan baharu yang lebih berorientasikan pasaran untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien kepada masyarakat awam.

CONTOH SISTEM-SISTEM SSM

Dalam usaha untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, SSM juga sedang melaksanakan pelbagai projek bagi membangunkan beberapa sistem baharu yang lain seperti menaik taraf pusat data SSM dan gerbang integrasi SSM.

Transformasi pendigitalan yang dilaksanakan SSM menjadi asas kepada perubahan penting dalam proses kerja dalaman dan merupakan pendorong dalam menjayakan proses penstrukturan semula SSM daripada sebuah entiti baharu 20 tahun lalu kepada organisasi dinamik pada masa ini yang berupaya untuk mara ke hadapan dan mendepani cabaran demi mencapai objektif strategik yang disasarkan. Perubahan struktur yang berlaku terhadap penggunaan teknologi, sumber modal insan dan proses kerja dalaman telah memacu SSM untuk mempertingkatkan produk dan perkhidmatan baharunya.

Hasil daripada transformasi merentas organisasi secara menyeluruh, SSM telah berjaya melaksanakan pendekatan baharu yang lebih berorientasikan pasaran untuk penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien kepada masyarakat awam.

SISTEM-SISTEM	FUNGSI
MyCoID	Pemerbadanan Syarikat
Malaysia Business Reporting System (MBRS)	Menyerah simpan: - Penyata Tahunan (PT); - Penyata Kewangan dan Laporan (PK); dan - Pemohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK.
MyLLP	Perkhidmatan Pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
ezBiz Online	Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan
e-Semak	Carian nama entiti perniagaan melalui jenis dan nombor entiti
e -CBID	Perkhidmatan pembekalan data dan statistik secara pukal
Portal XCESS	Penjualan Produk /Maklumat bagi PLT dan maklumat penglibatan peribadi dalam syarikat, perniagaan dan PLT
e-Info	Pembekalan maklumat korporat melalui pembekal perkhidmatan
MyDATA	Pembekalan maklumat korporat melalui pembekal perkhidmatan
e-Kompaun	Semakan kompaun
e-Aduan	Pengaduan melibatkan salah laku atau pelanggaran kepada mana-mana Akta yang dikuatkuasakan oleh SSM
SSM BizTrust	Perkhidmatan Pendaftaran BizTrust
e-Secretary	Perkhidmatan permohonan pendaftaran setiausaha syarikat di bawah Seksyen 241 Akta Syarikat 2016
e-Comtrac	Mendaftar dan membayar program latihan korporat secara atas talian



ANDA TANYA? KPDNHEP JAWAB!

Soalan.

Assalamualaikum tuan, baru-baru ini saya ada membeli sebuah laptop di sebuah pusat membeli-belah di Kuala Lumpur. Sebelum membeli saya meminta spesifikasi kapasiti laptop yang berkapasiti memori sebanyak 2 Gigabyte (GB). Namun apabila saya pulang kerumah dan memeriksa laptop tersebut, ianya hanya mempunyai 1 GB sahaja. Apakah saya boleh menuntut semula laptop 2GB? Dan di manakah saya boleh membuat aduan?

Mohamad Adi Mahmud,
Kuala Lumpur.

Jawapan:

Tuan, terima kasih di atas pertanyaan dan aduan tersebut. Adalah dimaklumkan bahawa di bawah **Garis Panduan Pelaksanaan Tebus Rugi Pengguna** di dalam bahagian pecahan tajuk **Barang Mematuhi Perihal Setiap** barang yang dibekalkan hendaklah menepati ciri-ciri atau sifat yang dinyatakan atau dijelaskan. Pengguna boleh menuntut bahawa barang yang diterima tersebut tidak mematuhi apa yang dinyatakan. Tuan perlu mengemukan resit, dan maklumkan tentang Kapasiti GB yang kurang daripada seperti yang dijanjikan. Sekiranya pihak penjual ingkar, tuan boleh membuat tuntutan di Tuntutan Tribunal Pengguna (TPPM) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.



Soalan.

Salam sejahtera, saya ingin bertanyakan soalan tentang satu pelaburan yang di tawarkan kepada saya. Pelaburan tersebut adalah di bawah nama XM Tarades Capital, pelaburan tersebut menawarkan pelbagai pakej pelaburan bermula dengan pakej *basic* (asas) serendah RM500 membabitkan keuntungan sebanyak RM7,000 diikuti pelaburan RM1,000 dengan pulangan RM15,000 serta pelaburan RM1,500 dan dijanjikan keuntungan RM30,000. Bagaimanakah caranya untuk saya menyemak kebenaran pelaburan tersebut.

Angelina Ang ,
Segamat, Johor.

Jawapan.

Terima kasih di atas pertanyaan oleh saudara. Kami memohon agar saudara sentiasa berhati-hati sebelum membuat sebarang pelaburan. Pihak KPDNHEP ingin mengingatkan saudara/orang awam supaya sentiasa berhati-hati dalam menilai peluang pelaburan terutama yang menjanjikan pulangan tinggi tidak realistik dengan risiko sedikit atau tiada. Sindiket ini mewujudkan kumpulan awam di Telegram bagi mempromosikan pakej pelaburan yang kebiasaannya disertakan dengan testimoni palsu dan juga diiklankan sebagai patuh syariah. Sebelum melabur sebarang pelaburan, saudara boleh merujuk kepada laman web www.sc.com.my.



PASUKAN KHAS JIHAD MENANGANI INFLASI

1. Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi (PKJTI) telah mengadakan pertemuan yang ke TUJUH BELAS (17) hari ini dan telah membincangkan beberapa isu berkaitan langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah inflasi dan kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat.

2. YB Menteri Kewangan telah menerbitkan sebuah video menjelaskan berkenaan kejatuhan Ringgit berbanding Dollar Amerika dan Dollar Singapura tetapi meningkat berbanding Euro, Yen Jepun dan Won Korea. Penjelasan tersebut juga menerangkan betapa asas ekonomi negara tetap kukuh dan KDNK negara berkembang lebih baik dari unjuran.

3. Persiapan telah dibuat selari dengan Pengumuman YAB Perdana Menteri mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka datang lebih awal. Mesyuarat telah mengarahkan NADMA, MAFI dan KPDNHEP untuk bersiap sedia dalam memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi terutama di negeri-negeri yang dijangka terjejas tanpa memberi kesan yang buruk terhadap harga barang-barang keperluan. Ini termasuklah dari segi peningkatan stok mahupun perancangan logistik pengedaran ke negeri-negeri tersebut seperti ROVR bekalan petrol dan diesel dan sebagainya.

4. Bekalan dan harga ayam serta telur ayam gred A, B dan C didapati stabil. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan dilakukan di semua peringkat pengeluaran, pemborong dan peruncit bagi memastikan ianya terus stabil.

5. Harga CPO di pasaran dunia didapati stabil buat masa ini dan mengikut unjuran harga CPO akan mengalami sedikit penyusutan pada bulan Oktober hingga Disember 2022. Mesyuarat merasakan tiada keperluan untuk Kerajaan untuk mewujudkan stok penimbun bagi CPO buat masa ini dan Kerajaan akan terus melakukan libat urus dengan pemain industri dan MPIC untuk meninjau kebolehlaksanaan penetapan harga dua peringkat (two-tiered pricing) terutama terhadap kegunaan domestik yang merangkumi kurang dari tujuh peratus (7%) dari keseluruhan pengeluaran CPO negara.

6. Sementara itu, aktiviti naziran atau audit terhadap proses dan tadbir urus pemain industri pembungkusan minyak masak tulen bersubsidi polibeg sedang giat dijalankan bagi memastikan kepatuhan terhadap akta dan peraturan yang telah ditetapkan dan di masa yang sama ketirisan bekalan di pasaran dapat diminimalkan.

7. Sehingga 10 September 2022, JMKM telah dilaksanakan di 512 DUN atau 80.1% dari keseluruhan DUN di seluruh negara. Mesyuarat telah mengenalpasti punca kelewatan pelaksanaan di beberapa negeri dan kementerian yang menyelia negeri tersebut telah diminta untuk menggerakkan logistik dan rakan strategik di negeri-negeri tersebut. Pelaporan JMKM akan dibuat di mesyuarat tiap hari khamis setelah data-data pelaksanaan dari negeri-negeri diterima pada hari Selasa.

8. JMKM di Pulau Pinang diselenggarakan oleh Perda dan masalah telah dapat diatasi di mana JMKM akan dapat dilaksanakan hujung minggu ketiga Bulan September. Peruntukan untuk Negeri Sembilan baru diselesaikan dan pelaksanaan JMKM di Negeri Sembilan akan diperhebatkan pada hujung minggu ketiga bulan September 2022.



KPDNHEP TUMPASKAN AKTIVITI SELEWENG DIESEL DI SELANGOR

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2022 – Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan bahawa aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi telah berjaya ditumpas dalam serbuan yang dilakukan ke atas sebuah premis tanpa nombor beralamat di Taman Industri Selesa Jaya, Selangor yang disyaki dijadikan tempat melakukan aktiviti pemindahan minyak diesel bersubsidi dan stor penyimpanan minyak diesel tanpa kebenaran pada minggu lepas.

Katanya dalam satu kenyataan hari ini, serbuan yang telah dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDNHEP Putrajaya pada jam 3.00 petang itu hasil daripada risikan yang telah dilakukan beberapa hari sebelum serbuan itu.

Katanya, semasa pemeriksaan, seorang lelaki warga tempatan lingkungan 30 an bersama seorang lelaki bukan warga tempatan yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit telah ditahan bagi membantu siasatan.

“Hasil pemeriksaan lanjut, pasukan serbuan telah menemukan minyak diesel dianggarkan berjumlah 9,000-liter bersama beberapa peralatan lain yang dipercayai digunakan untuk melakukan aktiviti terbabit. Premis juga telah gagal mengemukakan sebarang dokumen kebenaran daripada

KPDNHEP berhubung berurusan dengan barang kawalan berjadual iaitu minyak diesel di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sehubungan dengan itu, pasukan serbuan telah bertindak dengan menyita sejumlah 9,000-liter minyak diesel, sebuah lori, peralatan penyambungan dan beberapa dokumen perniagaan yang berkaitan. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM 99,350.00.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut terhadap kes ini akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenalpasti punca bekalan minyak diesel diperolehi dan diedarkan termasuklah mendakwa pihak yang terlibat ke Mahkamah.” kata Azman.

“Selain itu, siasatan juga akan dilakukan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat pelucutanhak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak diesel.” katanya.

KPDNHEP MELAKA CATAT NILAI RAMPASAN RM4.5 JUTA



AYER KEROH, 18 Oktober- Sebanyak RM4.5 juta nilai rampasan direkodkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PKDNHEP) Melaka dari 29 Jun hingga Ahad lalu sejak penubuhan Jawatankuasa Jihad Tangani Inflasi.

Nilai kompaun sebanyak RM32,000 direkodkan sepanjang tempoh berkenaan.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar berkata kebanyakan nilai rampasan dan kompaun berkenaan melibatkan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

“Kita ada 90 orang anggota penguat kuasa, kita ada juga mempunyai 23 pegawai pemantau harga. Pegawai pemantau harga ini akan bersama-sama dengan penguat kuasa akan bergerak di seluruh negeri Melaka.

Mereka akan memeriksa premis seperti pemantau harga ini pegawai-pegawai pemantau harga ini akan pergi ke pasar-pasar, mereka akan tengok jika ada berlaku kenaikan harga atau sebaliknya pada sesetengah barangan seperti ikan”, katanya.

Sepanjang tempoh itu juga, kira-kira 6,000 premis telah diperiksa.

KPDNHEP GAGALKAN CUBAAN SELEWENG DIESEL BERNILAI LEBIH RM210,000

MIRI, 4 Oktober: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mematahkan cubaan penyelewengan diesel bersubsidi melibatkan rampasan keseluruhan bernilai RM210,639.95 di sini pada Isnin (3 Oktober).

Ketua Cawangan KPDNHEP Miri Joe Azmi Jamil berkata lima lelaki warga tempatan berusia 19 hingga 50 tahun turut ditahan dalam Operasi Bersepadu yang dijalankan bersama Pasukan Batalion 12, Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri.

“Kelima-lima individu yang ditahan gagal mengemukakan permit khas daripada KPDNHEP untuk menjalankan aktiviti berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Menurutnya, empat kenderaan pacuan empat roda bernilai RM207,000 yang diubahsuai dengan tangki tambahan di ruang belakang kenderaan juga disita.

Barangan lain disita ialah tiga pam elektrik, empat tangki tambahan dan 1,693 liter diesel yang bernilai RM3,639.95.

Stesen minyak yang terbabit dengan kes ini pula digantung operasinya serta merta sehingga siasatan kes selesai.

Kes disiasat di bawah Seksyen 20 (1) AKta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan iaitu diesel bersubsidi tanpa kebenaran pengawal dan dibaca bersama seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Siasatan ke atas stesen minyak itu dilakukan di bawah Peraturan 21 PPKB 1974 samada melanggar syarat khas lesen.

Di bawah Akta Bekalan 1961 (Akta 122), individu yang disabit dengan kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi syarikat pula, jika disabit kesalahan boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta.

PREMIS MENJUAL ALAT PERANTI TEKNOLOGI PENSTRIMAN DISERBU PENGUAT KUASA KPDNHEP

PUTRAJAYA, 21 September 2022 – Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melakukan serbuan ke atas dua (2) buah premis berasingan yang terletak di dalam sebuah pusat membeli-belah di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang menjual alat teknologi penstriman (*android box*) pada 15 September 2022.

Menurut Tuan Azman Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP serbuan yang dilakukan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal yang telah dilakukan oleh pihak KPDNHEP selama beberapa hari sebelum itu.

Hasil pemeriksaan k etas dua premis terbabit, pihak KPDNHEP telah merampas sebanyak 11 unit alat teknologi penstriman berserta dokumen yang berkaitan yang disyaki mengandungi karya hak cipta yang dituntut haknya oleh pemilik hakcipta yang membuat aduan kepada Kementerian dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM 7,500.00.

Tambahnya lagi, pasukan serbuan juga telah bertindak menahan dua (2) individu lelaki warganegara tempatan berumur lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pemilik dan pekerja di premis yang terbabit untuk siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM 10 000.00 dan tidak melebihi RM 200,000.00 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Pihak KPDNHEP telah menambahbaik Akta Hak Cipta 1987 melalui pindaan kepada Akta Hak Cipta (Pindaan) 2022 yang telah berkuatkuasa mulai 18 Mac 2022 lalu. Ia memberi penekanan dalam usaha pihak Kementerian untuk membanteras pelanggaran hak cipta secara dalam talian atau cetak rompak digital ini dengan lebih berkesan.

SIASATAN PENJUALAN KAD NFC TNG PADA KADAR BERLIPAT KALI GANDA

PUTRAJAYA, 28 September 2022-

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menerima aduan mengenai penjualan kad Komunikasi Medan Dekat (NFC) Touch 'n Go (TnG). Kesukaran bagi mendapatkan bekalan kad NFC ini telah menyaksikan wujudnya penjualannya di beberapa platform pasaran dalam talian dengan harga yang berlipat ganda.

Menurut YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna, bagi tempoh dari April hingga 25 September lalu, sebanyak empat aduan rasmi mengenai kad NFC ini telah diterima. Selain itu, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP juga telah mengesan 13 iklan jualan membabitkan beberapa platfrom dalam talian.

Berdasarkan semakan dan maklumat daripada pengelola platform pasaran, sebanyak 11 premis merangkumi kediaman peribadi serta bangunan perniagaan diperiksa berhubung kes sama.

Berdasarkan siasatan awal, kes penjualan kad NFC turut membabitkan pekerja di kaunter pembayaran sebuah stesen minyak. Individu berkenaan didapati menjual sekeping kad NFC yang asalnya berharga RM10 (tanpa ada sebarang kredit di dalamnya) pada kadar lebih lima kali ganda, menerusi platform pasaran dalam talian.

Sebanyak enam notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan kepada pihak terbabit, yang antara lain menuntut supaya maklum balas atau penjelasan rasmi perlu dikemukakan kepada Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP. Kegagalan berbuat demikian, pihak terbabit boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 21(5) AKHAP 2011 kerana enggan atau gagal mengemukakan maklum balas.

Tambahnya lagi, Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP dan pengurusan kanan kementerian seterusnya akan mengadakan pertemuan dengan syarikat TnG, yang dijangka akan berlangsung dalam masa yang terdekat. Pertemuan berkenaan antara lain bertujuan untuk mendapatkan status kaedah semasa penjualan dan isu kekurangan bekalan kad NFC seperti dikemukakan ramai pengguna.

Orang ramai boleh terus menyalurkan aduan dan maklumat kepada Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP serta salura-saluran rasmi KPDNHEP berhubung isu sama untuk tindakan lanjut dalam talian, sebanyak 11 premis merangkumi kediaman peribadi serta bangunan perniagaan diperiksa berhubung kes sama.



KPDNHEP RAMPAS 34,000 LITER DIESEL BERSUBSIDI DI BATU KAWA

KUCHING, Oktober 2022: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak merampas 34,000 liter diesel bersubsidi yang cuba diseleweng dalam serbuan di tempat penyimpanan di Jalan Pengkalan Baru, Off Jalan Stephen Yong, Batu Kawa, hari ini.

Serbuan oleh sepasukan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Sarawak dilancarkan hasil maklumat orang awam serta risikan selama dua minggu di lokasi tersorok di kawasan rumah lama.

Pengarah KPDNHEP Sarawak, Matthew Dominic Barin, berkata dua lelaki berusia 23 dan 28 tahun yang bekerja sebagai pemandu dan kelindan lori tangki turut ditahan dalam serbuan jam 5.30 pagi.

Diesel yang ditemui bernilai RM73,100 dan sebuah kenderaan iaitu lori tangki, tangki IBC serta pam penyedut minyak dirampas dengan keseluruhan nilai rampasan RM163,800.

"Siasatan awal mengenal pasti kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi itu dijalankan sindiket terbabit sejak lebih dua bulan lalu.

"Kami sedang menjalankan siasatan lanjut untuk mengenal pasti sumber sindiket itu mendapatkan diesel berkenaan serta di mana mereka menjualnya," katanya di lokasi serbuan hari ini.

Matthew berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 20 (1), Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan di tempat yang tidak dilesenkan oleh pengawal bekalan.

"Sabit kesalahan, jika pesalah itu adalah pertubuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan kedua.

"Jika pesalah itu bukan satu pertubuhan perbadanan, dia boleh didenda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan pertama atau penjara tidak melebihi tempoh selama tiga tahun atau kedua-duanya dan denda tidak melebihi RM3 juta bagi kesalahan kedua atau penjara tidak melebihi tempoh selama lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Dalam tempoh 1 Januari hingga 17 Oktober tahun ini, KPDNHEP Sarawak merekodkan 148 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Sejumlah 1.3 juta liter minyak diesel dirampas sepanjang tempoh itu dengan nilai rampasan RM5.8 juta manakala nilai kompaun yang dibayar sebanyak RM339,800 bagi 44 kes yang sudah selesai," katanya.

PENGUAT KUASA KPDNHEP MENYERBU SEBUAH PREMIS YANG MENJUAL ALAT PERANTI TEKNOLOGI PENSTRIMAN

JOHOR, 19 Oktober 2022 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melakukan serbuan ke atas sebuah premis perniagaan yang terletak di Jalan Mutiara, Skudai, Johor yang menjual alat teknologi penstriman (*android box*) minggu ini.

Serbuan yang bermula pada jam 1.00 tengah hari itu dengan kekuatan seramai empat (4) anggota penguat kuasa KPDNHEP Putrajaya dilakukan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal yang telah dilakukan oleh pihak KPDNHEP selama beberapa hari sebelum tindakan.

“ Pihak KPDNHEP telah merampas 600 unit alat teknologi penstriman pelbagai jenama berserta dokumen yang berkaitan yang disyaki mengandungi karya hak cipta yang dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM 404,500.00. ”

Pasukan serbuan juga telah bertindak menahan seorang individu, wanita warganegara tempatan berumur lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit untuk siasatan lanjut kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.